Tambahan

Kandungan

1. Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing MS1
2. Tabung-Tabung Dan Kemudahan Jaminan Yang Ditadbirkan/Dibiayai Oleh Bank Negara Malaysia: Pengagihan Dana MS9
3. Institusi Perbankan Berlesen (pada 31 Disember 2003) MS10
4. Institusi Kewangan yang menawarkan Perkhidmatan Perbankan Islam (pada 31 Disember 2003) MS12
5. Ahli Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan untuk Perbankan Islam dan Takaful – Sesi 2001-2003 MS14

Statistik Ekonomi dan Kewangan Utama

Bab 1: Ekonomi Malaysia pada Tahun 2003

A.1 Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 1987 MS17
A.2 Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (1993=100) MS18
A.3 Pengeluaran Komoditi Utama MS19
A.4 KNK Mengikut Agregat Permintaan MS20
A.5 Jurang Tabungan-Pelaburan MS21
A.6 Imbangan Pembayaran MS22
A.7 Pasaran Utama Eksport Barangan Perkilangan MS24
A.8 Pasaran Utama Eksport Elektronik MS25
A.9 Pasaran Utama Eksport Barangan Elektrik MS25
A.10 Pasaran Utama Eksport Bahan Kimia dan Keluaran Kimia MS26
A.11 Pasaran Utama Eksport Keluaran Logam MS26
A.12 Pasaran Utama Eksport Peralatan Optikal dan Saintifik MS27
A.13 Pasaran Utama Eksport Keluaran Petroleum MS27
A.14 Harga Eksport Komoditi Utama MS27
A.15 Pasaran Eksport Utama Minyak Sawit MS28
A.16 Pasaran Eksport Utama Getah MS28
A.17 Pasaran Eksport Utama Kayu Balak MS29
A.18 Pasaran Eksport Utama Kayu Siap Digergaji MS29
A.19 Pasaran Eksport Utama Minyak Mentah MS30
A.20 Pasaran Eksport Utama Gas Asli Cecair MS30
A.21 Hutang Luar Negeri dan Khidmat Bayaran Hutang MS31
A.22 Pelaburan Luar Negeri Kasar mengikut Negara MS32
A.23 Sub-Kumpulan Indeks Harga Pengguna (2000=100) bagi Makanan MS33
A.24 Indeks Harga Pengeluar (1989=100) MS33
A.25 Bekalan Ruang Pejabat, Ruang Perniagaan, Kondominium dan Apartmen di Lembah Klang MS34
A.26 Purata Sewa Bulanan Ruang Pejabat dan Perniagaan Utama di Lembah Klang MS34

Bab 2: Perkembangan Kewangan dan Fiskal

A.27 Wang Secara Luas (M3) MS35
A.28 Bekalan Wang: Perubahan Tahunan dan Kadar Pertumbuhan Tahunan MS35
A.29 Kadar Faedah (%) MS36
A.30 Kewangan Sektor Awam Disatukan MS37

Bab 3: Prospek dan Dasar

A.31 Negara-negara Perindustrian Utama: Penunjuk Ekonomi Utama MS38
A.32 Asia Timur: Penunjuk Ekonomi Utama MS39

Bab 4: Sektor Kewangan

A.33	Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan	MS40
A.34	Bank Perdagangan: Komitmen dan Kontingensi	MS41
A.35	Syarikat Kewangan: Komitmen dan Kontingensi	MS42
A.36	Bank Saudagar: Komitmen dan Kontingensi	MS43
A.37	Bank Perdagangan: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS44
A.38	Syarikat Kewangan: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS44
A.39	Bank Saudagar: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS45
A.40	Bank Perdagangan: Garis Panduan Pemberian Pinjaman Kepada Sektor Keutamaan	MS46
A.41	Syarikat Kewangan: Garis Panduan Pemberian Pinjaman Kepada Sektor Keutamaan	MS47
A.42	Bank Perdagangan: Haluan Pinjaman	MS48
A.43	Syarikat Kewangan: Haluan Pinjaman	MS49
A.44	Bank Saudagar: Haluan Pinjaman	MS50
A.45	Bank Perdagangan: Pinjaman Tidak Berbayar Mengikut Sektor	MS51
A.46	Syarikat Kewangan: Pinjaman Tidak Berbayar Mengikut Sektor	MS52
A.47	Bank Saudagar: Pinjaman Tidak Berbayar Mengikut Sektor	MS53
A.48	Sistem Perbankan Islam: Sumber dan Kegunaan Dana	MS54
A.49	Sistem Perbankan Islam: Komitmen dan Kontingensi	MS54
A.50	Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS55
A.51	Sistem Perbankan Islam: Aktiviti Pembiayaan	MS56
A.52	Sistem Perbankan Islam: Pembiayaan Industri Kecil dan Sederhana	MS56
A.53	Sistem Perbankan Islam: Haluan Pembiayaan	MS57
A.54	Sistem Perbankan Islam: Pembiayaan Tidak Berbayar Mengikut Sektor	MS58
A.55	Sistem Perbankan: Penunjuk Terpilih	MS59
A.56	Sistem Perbankan: Data Utama	MS60
A.57	Institusi Kredit Perumahan	MS61
A.58	Pinjaman Perumahan Terkumpul	MS62
A.59	Pinjaman Perumahan yang Diluluskan	MS62
A.60	Syarikat Pemajakan: Sumber dan Kegunaan Dana	MS63
A.61	Syarikat Pemajakan: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS63
A.62	Syarikat Pemajakan: Pembiayaan Mengikut Sektor	MS64
A.63	Syarikat Pemfaktoran: Sumber dan Kegunaan Dana	MS64
A.64	Syarikat Pemfaktoran: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS65
A.65	Syarikat Pemfaktoran: Pembiayaan Mengikut Sektor	MS65
A.66	Sekuriti Hutang Pasaran Modal: Jumlah Terkumpul	MS66
A.67	Koperasi Kredit Bandar	MS67

Bab 5: Institusi Kewangan Pembangunan

A.68	Institusi Kewangan Pembangunan: Sumber dan Kegunaan Dana	MS68
A.69	Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Sumber dan Kegunaan Dana	MS69
A.70	Institusi Kewangan Pembangunan: Haluan Pinjaman	MS70
A.71	Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Haluan Pinjaman	MS71
A.72	Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad	MS71
A.73	Export-Import Bank of Malaysia Berhad	MS72
A.74	Malaysia Export Credit Insurance Berhad	MS72
A.75	Bank Simpanan Nasional	MS73
A.76	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	MS73
A.77	Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad	MS74
A.78	Institusi Kewangan Pembangunan Lain: Aktiviti Utama	MS74
A.79	Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih	MS75
A.80	Institusi Kewangan Pembangunan: Dana Khas Kerajaan	MS76
A.81	Institusi Kewangan Pembangunan: Dana Bank Negara Malaysia	MS77
A.82	Institusi Kewangan Pembangunan: Dana daripada Agensi Pelbagai Hala dan Antarabangsa	MS78

Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing

Peraturan-peraturan pentadbiran pertukaran asing telah diliberalisasikan dan dipermudahkan lagi pada bulan April 2004 (sila rujuk kepada Rencana: "Liberalisasi dan Pemudahan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing" dalam Bab 3). Semua peraturan terus dilaksanakan secara seragam untuk urus niaga dengan semua negara kecuali Israel, Serbia dan Montenegro di mana sekatan khas dikenakan. Peraturan pentadbiran pertukaran asing juga dilaksanakan berdasarkan keperluan untuk mencegah pengubahan wang haram serta pembiayaan kewangan oleh pengganas melalui sistem perbankan Malaysia. Dengan perubahan-perubahan yang terbaru, berikut adalah peraturan-peraturan yang berkaitan dengan urus niaga pertukaran asing:

I Urus Niaga Akaun Semasa

(a) Pembayaran untuk Import Barangan dan Perkhidmatan

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas pembayaran kepada bukan pemastautin untuk pengimportan barangan dan perkhidmatan. Pembayaran sedemikian mestilah dibuat dalam mata wang asing kecuali mata wang Israel, Serbia dan Montenegro.

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas pemastautin untuk mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bank berlesen tempatan atau bank saudagar yang diluluskan untuk membeli mata wang asing dengan ringgit untuk membuat pembayaran import daripada bukan pemastautin.

(b) Perolehan daripada Eksport Barangan (Perolehan Eksport)

- Semua perolehan eksport mestilah dihantar balik ke Malaysia mengikut jadual pembayaran seperti yang tercatat dalam kontrak jualan, di mana ia tidak boleh melebihi enam bulan dari tarikh eksport.

- Perolehan eksport mestilah diterima dalam mata wang asing dan ditukar kepada ringgit atau disimpan dalam akaun mata wang asing eksport dengan bank berlesen tempatan. Had jumlah keseluruhan semalaman adalah di antara AS$30 juta dan AS$100 juta berdasarkan jumlah purata bulanan perolehan eksport. Had yang lebih tinggi boleh dibenarkan berdasarkan kes-kes tertentu.

- Pemastautin dibenarkan mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bank berlesen tempatan untuk menjual mata wang asing dari perolehan eksport untuk ringgit atau mata wang asing yang lain, tertakluk kepada tempoh matang kontrak hadapan tersebut tidak melebihi enam bulan selepas tarikh eksport.

- Hanya pengeksport pemastautin dengan jumlah kasar eksport melebihi bersamaan RM50 juta setahun perlu mengemukakan laporan suku tahunan kepada Pengawal Pertukaran Wang Asing (Pengawal).

(c) Import dan Eksport Mata Wang oleh Pengembara

- Pengimportan dan pengeksportan mata wang ringgit sehingga RM1,000, termasuk mata wang ringgit RM1,000 dan RM500 yang telah dinyahnilaikan, dan pengeksportan mata wang asing sehingga nilai bersamaan RM10,000 oleh pemastautin adalah dibenarkan. Pengembara pemastautin perlu memperolehi kebenaran daripada Pengawal dan mengisytiharkan dalam Borang Perisytiharan Pengembara (TDF) apabila:

  - Membawa ke dalam atau ke luar negeri, mata wang ringgit melebihi RM1,000.

  - Membawa ke luar negeri, mata wang asing termasuk cek kembara, melebihi nilai bersamaan RM10,000.

  Kebenaran boleh diberi dalam tempoh satu hari dari tarikh permohonan.

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas bukan pemastautin untuk membawa masuk ke dalam negara sebarang amaun mata wang asing dan/atau cek kembara. Pengisytiharan dalam Kad Keluar/Masuk (IMM.26) yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen hanya diperlukan untuk amaun melebihi bersamaan AS$2,500.

- Bukan pemastautin perlu memperolehi kebenaran daripada Pengawal sekiranya jumlah mata wang asing yang dibawa ke luar negeri melebihi jumlah yang dibawa masuk ke dalam Malaysia, tertakluk kepada jumlah yang dibawa ke luar negeri melebihi jumlah bersamaan AS$2,500.

- Bukan pemastautin dikehendaki memperolehi kebenaran daripada Pengawal dan mengisytiharkan mata wang ringgit melebihi RM1,000 yang dibawa ke dalam atau ke luar Malaysia.

II Urus Niaga Akaun Modal

(a) Pelaburan Langsung Asing

- Pelabur langsung asing adalah bebas untuk menghantar balik pelaburan mereka, termasuk modal, keuntungan, dividen, faedah dan pendapatan sewa.

(b) Pelaburan Luar Negeri oleh Pemastautin

- Bank berlesen tempatan dan bank saudagar yang diluluskan dibenarkan melabur ke luar negeri selagi mereka mematuhi Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau Akta Bank Islam 1983 serta had kedudukan terbuka bersih mata wang asing yang diluluskan masing-masing. Pengiriman untuk pelaburan ke luar negeri mesti dibuat dalam mata wang asing.

- Pemastautin, selain daripada bank berlesen tempatan dan bank saudagar yang diluluskan, dikehendaki memperolehi kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal untuk menghantar dana yang melebihi nilai bersamaan RM10,000 bagi tujuan pelaburan di luar negeri. Pertimbangan ke atas permohonan akan diberi berdasarkan kriteria yang telus.

- Bagaimanapun, individu pemastautin dibenarkan melabur dalam mata wang asing sebarang jumlah dalam sekuriti di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja yang ditawarkan oleh syarikat induk majikannya atau syarikat berkaitan di luar negeri.

- Individu pemastautin yang bekerja atau tinggal di luar negeri dan mempunyai dana mata wang asing yang disumberkan dari luar negeri dibenarkan melabur dalam sebarang aset mata wang asing, termasuk yang ditawarkan oleh bank berlesen tempatan dan bank berlesen luar pesisir di Labuan.

- Syarikat pengurusan amanah saham tempatan boleh melabur ke luar negeri sehingga keseluruhan jumlah Nilai Aset Bersih (NAV) bagi setiap dana yang dilanggani oleh bukan pemastautin dan sehingga 10% daripada NAV bagi setiap dana yang dilanggani oleh pemastautin. Dana-dana yang berlainan daripada syarikat pengurusan yang sama atau daripada syarikat yang berlainan ini boleh juga digabungkan bagi mendapat manfaat ekonomi ikut bidangan apabila melabur ke luar negeri. Pelaburan tersebut perlu sejajar dengan garis panduan berhemat Suruhanjaya Sekuriti.

- Syarikat insurans dan pengendali takaful pemastautin boleh melabur ke luar negeri masing-masing sehingga 5% daripada Margin Kesolvenan (MOS) dan sehingga 5% daripada jumlah keseluruhan aset mereka.

- Selain itu, syarikat insurans dan pengendali takaful juga dibenarkan membuat pelaburan ke luar negeri sehingga 10% daripada NAV dana yang berkaitan pelaburan yang dipasarkan oleh mereka. Pelaburan ini perlu memenuhi peraturan berhemat insurans dan takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

- Pengurus dana/aset boleh membuat pelaburan ke luar negeri sehingga keseluruhan jumlah dana pelaburan pelanggan bukan pemastautin dan sehingga 10% daripada dana pelaburan pelanggan pemastautin. Dana-dana daripada syarikat yang berlainan boleh digabungkan bagi mendapat manfaat ekonomi ikut bidangan apabila melabur ke luar negeri. Pelaburan yang dibuat tersebut hendaklah berdasarkan mandat pelanggan mereka serta mematuhi panduan berhemat Suruhanjaya Sekuriti.

(c) Kemudahan Kredit dalam Mata Wang Asing oleh Pemastautin

- Pemastautin dibenarkan memperolehi kemudahan kredit dalam mata wang asing sehingga jumlah agregat bersamaan RM5 juta daripada bank berlesen tempatan, bank saudagar berlesen tempatan dan bukan pemastautin. Sebarang pinjaman yang melebihi had tersebut perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal. Sekiranya jumlah agregat melebihi bersamaan RM1 juta, pemastautin perlu memberi maklumat mengenai kemudahan kredit berkenaan kepada Pengawal.

- Pemastautin juga boleh memperolehi sebarang amaun kemudahan kredit perdagangan dalam mata wang asing daripada bank berlesen tempatan dan bank saudagar berlesen tempatan tertakluk kepada syarat tempoh kemudahan kredit tersebut tidak melebihi 12 bulan.

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas pembayaran balik kemudahan kredit yang diperolehi daripada bukan pemastautin selagi kemudahan kredit tersebut diperolehi selaras dengan peraturan pentadbiran pertukaran asing yang berkaitan.

(d) Kemudahan Kredit kepada Bukan Pemastautin Kemudahan Kredit dalam Mata Wang Asing

- Bank berlesen tempatan boleh memberi kemudahan kredit dalam mata wang asing kepada bukan pemastautin untuk sebarang tujuan. Bagaimanapun, kemudahan kredit untuk membiayai pembelian atau pembinaan harta tanah di Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang sama untuk kemudahan kredit dalam ringgit seperti tersebut di bawah.

Kemudahan Kredit dalam Ringgit

- Pemastautin bukan bank dibenarkan untuk memberi kemudahan kredit dalam ringgit kepada bukan pemastautin tidak melebihi jumlah agregat RM10,000.

- Syarikat broker saham pemastautin dibenarkan untuk memberi kemudahan pembiayaan margin kepada pelanggan bukan pemastautin untuk pembelian saham yang disenaraikan di *Malaysia Securities Exchange Berhad* (MSEB), dengan syarat mereka mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh MSEB.

- Bank berlesen tempatan dibenarkan memberi kemudahan pembiayaan overdraf semalaman tidak melebihi jumlah agregat RM200 juta kepada syarikat broker saham bukan pemastautin atau bank kustodian bukan pemastautin. Kemudahan ini adalah hanya untuk membiayai jurang masa pendanaan untuk penyelesaian pembelian sekuriti di MSEB yang disebabkan oleh kesilapan teknikal atau yang tidak dijangkakan/dielakkan, atau kelewatan kerana zon masa yang berlainan.

- Pemastautin, bank atau bukan bank, dibenarkan memberi kemudahan kredit dalam ringgit sehingga tiga pinjaman harta tanah kepada bukan pemastautin untuk pembiayaan/pembiayaan semula pembelian atau pembinaan harta tanah di Malaysia, tidak termasuk pembelian tanah sahaja, tertakluk kepada panduan penilaian kredit dalaman masing-masing. Semua pembelian harta tanah adalah tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC). Maklumat lanjut mengenai garis panduan tersebut boleh diperolehi di http://www.epu.jpm.my/.

- Selain itu, institusi perbankan boleh memberi kemudahan kredit dalam mata wang ringgit sehingga had agregat RM10 juta kepada bukan pemastautin (tidak termasuk syarikat broker saham, bank kustodian dan bank koresponden) bagi sebarang tujuan untuk kegunaan di Malaysia, selain daripada untuk membiayai pembelian atau pembinaan harta tanah.

  Kebenaran Pengawal perlu diperolehi bagi pemberian kemudahan kredit yang melebihi had agregat yang dibenarkan.

Swap/Kontrak Tukaran Hadapan

- Bank berlesen tempatan adalah dibenarkan untuk–

  (i) Mengikat kontrak swap mata wang jangka pendek dengan broker saham bukan pemastautin dan bank kustodian bukan pemastautin untuk memudahkan pembayaran bagi pembelian saham di MSEB; dan

  (ii) Mengikat kontrak tukaran hadapan sehala untuk menjual ringgit dengan bukan pemastautin untuk tujuan yang sama.

  Kebenaran di atas adalah tertakluk kepada syarat bahawa kontrak tersebut mestilah berdasarkan komitmen yang sah dan bukan berdasarkan pembelian yang dijangkakan. Tempoh kontrak yang dibenarkan adalah sehingga tiga hari perniagaan tanpa pilihan untuk memanjangkan jangka masa kontrak.

- Bank berlesen tempatan dan bank saudagar yang diluluskan juga dibenarkan untuk mengikat kontrak tukaran hadapan mata wang asing dengan pemastautin untuk membeli sebarang penerimaan mata wang asing terhadap ringgit sehingga tempoh sah urus niaga asas, tertakluk kepada syarat urus niaga tersebut berdasarkan komitmen yang sah untuk menerima mata wang asing tersebut.

- Bank berlesen tempatan dan bank saudagar yang diluluskan juga boleh mengikat kontrak tukaran hadapan dengan pemastautin untuk membeli mata wang asing yang belum diterima oleh pemastautin tersebut untuk mata wang asing yang lain sehingga tempoh sah urus niaga asas, tertakluk kepada syarat urus niaga tersebut disokong oleh komitmen yang sah.

- Untuk pembelian hadapan perolehan eksport, tarikh matang kontrak tukaran hadapan mata wang asing mestilah tidak melebihi enam bulan selepas tarikh eksport.

- Untuk kontrak tukaran hadapan mata wang asing yang melibatkan dua mata wang asing, penggunaan atau penyimpanan mata wang asing yang dibeli mestilah mematuhi peraturan pentadbiran pertukaran asing semasa.

- Bank berlesen tempatan, bank saudagar yang diluluskan dan bank berlesen luar pesisir di Labuan dibenarkan mengikat swap kadar faedah dengan pemastautin, tertakluk kepada syarat urus niaga tersebut disokong oleh komitmen yang sah.

- Syarikat pemastautin yang telah menjual hadapan mata wang asing belum diterima untuk ringgit, dibenarkan menyimpan untuk sementara waktu penerimaan mata wang asing yang diterima sebelum tarikh matang kontrak tukaran hadapan, dalam akaun mata wang asing dengan bank berlesen tempatan sehingga tempoh kontrak tukaran hadapan mata wang asing tersebut matang.

- Bank Pembangunan Pelbagai Hala (MDB) yang Malaysia adalah ahlinya, dan syarikat multinasional asing (MNC) yang ingin mengikat kontrak hadapan mata wang asing dengan bank berlesen tempatan bagi lindung nilai risiko mata wang asing berikutan penerbitan bon dalam mata wang ringgit akan dipertimbangkan berdasarkan merit setiap kes.

- Bank berlesen tempatan dibenarkan mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bukan pemastautin yang melabur dalam bon mata wang ringgit yang diterbitkan oleh MDB dan MNC untuk lindung nilai risiko mata wang mereka berikutan pelaburan dalam bon tersebut.

(e) Pelaburan Portfolio

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas pelabur portfolio bukan pemastautin untuk menghantar ke luar negeri modal dan keuntungan pelaburan mereka pada bila-bila masa.

III Kemudahan Kredit dalam Ringgit kepada Syarikat yang dikuasai oleh Bukan Pemastautin

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas pemastautin, termasuk institusi perbankan di Malaysia yang dimiliki oleh bukan pemastautin, untuk memberi kemudahan kredit dalam ringgit kepada Syarikat yang Dikuasai oleh Bukan Pemastautin (NRCC) yang beroperasi di Malaysia sehingga had agregat RM50 juta bagi setiap kumpulan syarikat atau entiti berasingan dan sebarang jumlah kemudahan kredit pembiayaan perdagangan jangka pendek yang tidak melebihi 12 bulan. Pemastautin perlu mendapat kebenaran daripada Pengawal untuk memberi kemudahan kredit ringgit kepada NRCC melebihi jumlah agregat RM50 juta. NRCC perlu mematuhi nisbah penggearan 3:1 di antara kelayakan dana modal syarikat dan jumlah pinjaman hanya untuk amaun yang melebihi RM50 juta. Penggearan yang lebih tinggi boleh dipertimbangkan berdasarkan merit setiap kes.

IV Terbitan Sekuriti Hutang Swasta dalam Ringgit

- Pemastautin dibenarkan untuk memperolehi kredit tempatan melalui terbitan Sekuriti Hutang Swasta dalam ringgit tanpa mengira jumlah, tertakluk kepada perolehan tersebut tidak digunakan untuk membiayai pelaburan luar negeri dan/atau membiayai semula pinjaman luar negeri. Terbitan Sekuriti Hutang Swasta mestilah mematuhi Garis Panduan Kawalan Pertukaran Asing bagi Sekuriti Hutang Swasta. Amaun yang diterbitkan akan dikira sebagai sebahagian daripada jumlah keseluruhan kemudahan kredit tempatan NRCC tersebut dan peraturan nisbah penggearan 3:1 dipatuhi.

- Permohonan untuk penerbitan bon di dalam mata wang ringgit di Malaysia oleh MDB yang Malaysia adalah ahlinya, dan MNC akan dipertimbangkan berdasarkan merit setiap kes.

V Akaun Mata Wang Asing Pemastautin

- Pengeksport pemastautin dibenarkan membuka akaun mata wang asing dengan bank berlesen tempatan untuk menyimpan perolehan eksport dalam mata wang asing di antara AS$30 juta dan AS$100 juta, berdasarkan jumlah purata bulanan perolehan eksport mereka.

- Had agregat semalaman yang dibenarkan adalah seperti berikut –

Purata Bulanan Perolehan Eksport	Had Agregat Semalaman (AS$ juta)
Melebihi RM100 juta	100
Melebihi RM50 juta sehingga RM100 juta	60
Sehingga RM50 juta atau untuk pengeksport baru	30

- Selain itu, pengeksport pemastautin diberi pilihan untuk menggabungkan akaun mata wang asing eksport dan bukan eksport sejajar dengan had semalaman yang dikenakan ke atas akaun mata wang asing eksport.

- Syarikat pemastautin yang mempunyai atau tidak mempunyai kemudahan kredit tempatan dibenarkan membuka akaun mata wang asing dengan bank berlesen tempatan bagi menyimpan penerimaan mata wang asing, selain daripada perolehan daripada eksport barangan, tanpa sebarang had semalaman.

- Syarikat pemastautin yang mempunyai atau tidak mempunyai kemudahan kredit tempatan dibenarkan membuka akaun mata wang asing untuk menyimpan penerimaan dalam mata wang asing, selain daripada perolehan eksport barangan, sehingga had agregat semalaman sebanyak AS$500,000 dengan bank berlesen luar pesisir di Labuan.

- Syarikat pemastautin juga dibenarkan menyimpan untuk sementara waktu, dalam akaun mata wang asingnya, perolehan mata wang asing yang telah dijual ke hadapan bagi mendapatkan ringgit yang diterima sebelum tarikh matang kontrak tukaran hadapan tersebut.

- Individu pemastautin juga dibenarkan membuka akaun mata wang asing semata-mata untuk tujuan pelajaran dan bekerja di luar negeri sehingga had agregat semalaman berikut –

  (i) AS$150,000 dengan bank berlesen tempatan;
  (ii) AS$150,000 dengan bank berlesen luar pesisir di Labuan; dan
  (iii) AS$50,000 dengan bank di luar negeri.

- Individu pemastautin yang mempunyai dana mata wang asing di luar negeri dibenarkan untuk menyelenggara akaun mata wang asing dalam atau luar negeri tanpa had semalaman dikenakan ke atas baki dalam akaun tersebut.

- Individu pemastautin di Malaysia yang mempunyai dana mata wang asing bebas melabur dalam sebarang produk mata wang asing yang ditawarkan oleh bank berlesen tempatan.

VI Akaun Mata Wang Asing Bukan Pemastautin

- Bank berlesen tempatan dan bank saudagar tempatan dibenarkan untuk membuka akaun mata wang asing untuk bukan pemastautin.

- Tidak ada had dikenakan ke atas akaun mata wang asing yang diselenggarakan oleh bukan pemastautin dan tidak ada sekatan juga dikenakan atas kemasukan dan pengeluaran dana melalui akaun mata wang asing milik bukan pemastautin.

VII Akaun Luaran Bukan Pemastautin

- Institusi kewangan dibenarkan membuka akaun dalam ringgit yang dikenali sebagai Akaun Luaran untuk bukan pemastautin. Tidak ada had semalaman dikenakan ke atas Akaun Luaran. Bukan pemastautin boleh mengeluarkan sebarang jumlah mata wang ringgit secara tunai daripada Akaun Luaran.

- Bukan pemastautin dibenarkan menggunakan dana ringgit di dalam Akaun Luaran untuk tujuan berikut **–**

  - Membeli mata wang asing kecuali mata wang Israel, Serbia dan Montenegro;

  - Membeli aset ringgit di Malaysia;

  - Bayaran untuk pembelian barang-barang dan perkhidmatan yang digunakan di Malaysia untuk kegunaan sendiri;

  - Bayaran untuk perbelanjaan pentadbiran dan berkanun di Malaysia;

  - Bayaran untuk jaminan bukan kewangan (di mana pemegang Akaun Luaran membuat bayaran ke atas jaminan bukan kewangan yang dipanggil);

  - Pemberian pinjaman atau pendahuluan dalam ringgit kepada pekerja di Malaysia, mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka;

  - Bayaran balik kemudahan kredit dalam ringgit yang telah dibenarkan oleh Pengawal atau mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka;

  - Bayaran kepada penerima pemastautin bagi sebarang tujuan kecuali yang berikut **–**

    ▶ Bayaran untuk import barangan dan perkhidmatan;

    ▶ Pemberian kemudahan kredit dalam ringgit kepada pemastautin selain daripada kemudahan kredit yang dibenarkan oleh Pengawal;

    ▶ Bayaran penyelesaian jaminan kewangan; dan

    ▶ Bayaran bagi pihak ketiga.

- Sumber dana bagi Akaun Luaran ringgit tersebut boleh diperolehi daripada –

  - Penjualan mata wang asing kecuali mata wang Israel, Serbia dan Montenegro;

  - Penjualan aset ringgit;

  - Semua pendapatan di Malaysia termasuk gaji, upah, royalti, komisen, yuran, sewa, faedah, keuntungan atau dividen;

  - Dana dari kemudahan kredit dalam ringgit yang dibenarkan oleh Pengawal atau mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka;

  - Dana dari pembayaran balik kemudahan kredit dalam ringgit yang dibenarkan oleh Pengawal atau mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka;

  - Pemindahan dana daripada**:**

    ▶ Akaun Luaran lain kepunyaan pemegang akaun yang sama tanpa had;

    ▶ Akaun Luaran lain dan/atau Akaun Pemastautin pemegang akaun yang berlainan melalui –

      o Pemindahan Mesin Teler Otomatik (ATM) sehingga jumlah RM5,000 bagi setiap individu/syarikat, setiap hari dan bagi setiap bank untuk sebarang tujuan.

      o Pemindahan bank melalui internet sehingga jumlah RM5,000 bagi setiap individu/syarikat, setiap hari dan bagi setiap bank untuk sebarang tujuan.

  - Deposit tunai ringgit yang tidak melebihi jumlah agregat RM10,000 sehari; dan

  - Deposit cek di mana nilai setiap cek tidak melebihi RM5,000 untuk sebarang tujuan.

- Dana ringgit dalam Akaun Luaran boleh ditukar kepada mata wang asing dan dihantar balik atau digunakan di Malaysia untuk tujuan yang dibenarkan.

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas operasi Akaun Luaran bukan pemastautin yang bekerja atau belajar di Malaysia (termasuk pasangan, anak dan/atau ibu bapa yang tinggal di Malaysia), bank-bank pusat, kedutaan, konsulat, suruhanjaya tinggi dan organisasi-organisasi supranasional atau antarabangsa yang diperakui oleh Kerajaan Malaysia. Individu atau organisasi yang tersebut di atas boleh menggunakan Akaun Luaran untuk sebarang tujuan termasuk tujuan yang dibenarkan seperti di atas.

VIII Taraf Istimewa Yang Diberikan kepada Syarikat-Syarikat Terpilih

(a) Entiti-entiti Luar Pesisir di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan

- Entiti yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan adalah diisytiharkan sebagai bukan pemastautin bagi tujuan pentadbiran pertukaran asing.

- Entiti luar pesisir adalah bebas untuk menjalankan urus niaga dengan bukan pemastautin dalam mata wang asing selain daripada mata wang Israel, Serbia dan Montenegro.

- Semua entiti luar pesisir adalah bebas untuk menyelenggarakan Akaun Luaran dengan bank pemastautin bagi memudahkan pembayaran perbelanjaan pentadbiran dan berkanun di Malaysia.

  Entiti insurans luar pesisir di Labuan juga dibenarkan menggunakan Akaun Luaran mereka untuk penerimaan premium insurans dan pembayaran tuntutan dari perniagaan insurans dan penginsurans semula perniagaan insurans tempatan.

- Bank berlesen luar pesisir di Labuan dibenarkan menerima pembayaran dalam ringgit dari pemastautin yang merupakan hasil daripada yuran, komisen, dividen atau faedah daripada dana simpanan.

- Bank berlesen luar pesisir di Labuan dibenarkan melabur dalam aset/instrumen ringgit di Malaysia untuk akaun mereka sendiri, tertakluk kepada syarat pelaburan tersebut mestilah dilakukan secara langsung dengan institusi perbankan atau broker pemastautin. Pelaburan tersebut tidak boleh dibiayai dengan pinjaman ringgit.

(b) Syarikat Koridor Raya Multimedia

- Syarikat yang beroperasi di Koridor Raya Multimedia (MSC) dan diperbadankan sebagai entiti sah secara berasingan, adalah dikecualikan daripada peraturan pentadbiran pertukaran asing apabila mereka diberi taraf MSC oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia. Pengecualian ini hanya untuk urus niaga yang dilakukan bagi urusan syarikat MSC itu sendiri. Bagaimanapun, kebenaran terlebih dahulu perlu diperolehi sebelum syarikat ini berurusan dengan Orang Terhad atau Mata Wang Negara Terhad iaitu Israel, Serbia dan Montenegro. Di samping itu, syarikat MSC juga dikehendaki mengemukakan borang/laporan/penyata statistik bagi tujuan pemantauan.

(c) Ibu Pejabat Operasi yang diluluskan

- Ibu Pejabat Operasi (OHQ) yang diluluskan dibenarkan –

  (i) Membuka akaun mata wang asing dengan bank berlesen tempatan bagi menyimpan perolehan eksport sehingga had agregat semalaman AS$100 juta, tanpa mengambil kira jumlah perolehan eksport mereka.

  (ii) Membuka akaun mata wang asing dengan bank berlesen tempatan, bank berlesen luar pesisir di Labuan atau bank di luar negeri untuk tujuan menyimpan penerimaan dalam mata wang asing, selain daripada perolehan eksport, tanpa sebarang had ke atas baki semalaman.

  (iii) Memperolehi kemudahan kredit dalam ringgit tidak melebihi RM50 juta, tertakluk kepada syarat bahawa dana ringgit tersebut digunakan di Malaysia.

  (iv) Memperolehi sebarang jumlah kemudahan kredit dalam mata wang asing daripada bank berlesen dan bank saudagar berlesen di Malaysia, dan daripada mana-mana bukan pemastautin dengan syarat OHQ tidak meminjamkan kepada, atau memperolehi dana itu bagi pihak pemastautin. Kemudahan kredit dalam mata wang asing ini boleh dipinjamkan kepada syarikat yang berkaitan dengan mereka di luar negeri atau dilaburkan di luar negeri tertakluk kepada syarat jumlah agregat kemudahan kredit tempatan dalam ringgit mereka tidak melebihi RM50 juta.

(d) Pusat Pemerolehan Antarabangsa yang Diluluskan

- Pusat Pemerolehan Antarabangsa yang diluluskan (IPC) dibenarkan –

  (i) Menyimpan sebarang jumlah perolehan eksport dalam akaun mata wang asing yang diurus dengan bank berlesen tempatan bagi aktiviti IPC yang diluluskan.

  (ii) Mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bank berlesen tempatan untuk lindung nilai risiko pertukaran asing, berdasarkan jangkaan jumlah eksport mereka.

(e) Pusat Pengagihan Serantau yang Diluluskan

- Pusat Pengagihan Serantau (RDC) yang diluluskan dibenarkan –

  (i) Menyimpan sebarang jumlah perolehan eksport dalam akaun mata wang asing dengan bank berlesen tempatan untuk aktiviti RDC yang diluluskan sahaja.

  (ii) Mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bank berlesen tempatan untuk lindung nilai risiko pertukaran asing, berdasarkan jangkaan jumlah import dan eksport mereka.

Tabung-Tabung Dan Kemudahan Jaminan Yang Ditadbirkan/Dibiayai Oleh Bank Negara Malaysia: Pengagihan Dana

Tabung-Tabung / Kemudahan Jaminan	Tarikh ditubuhkan	Peruntukan dana (RM juta)	Bilangan permohonan diluluskan			Jumlah diluluskan (RM juta)			Jumlah pengeluaran setakat akhir tahun 2003 (RM juta)	Baki setakat akhir tahun 2003[7] (RM juta)
			Jumlah setakat akhir tahun		Perubahan tahunan	Jumlah setakat akhir tahun		Perubahan tahunan		
			2002	2003		2002	2003			
Kemudahan Pembiayaan Perkapalan	30-Okt-92	600	38	38	0	577	577	0	543	341
Tabung untuk Makanan	04-Jan-93	1,300[3]	6,946	8,176	1,230	1,296	1,411	115	1,299	698
Tabung Projek Usahawan Bumiputera	10-Feb-00	300[3]	596	893	297	317	438	121	362	92
Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2	15-Apr-00	2,000[1,3]	1,929	3,527	1,598	1,049	2,285	1,236	1,588	1,410
Tabung Usahawan Baru 2	15-Jul-01	1,150[2,3]	1,336	1,952	616	652	1,077	425	807	771
Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil	01-Nov-03	800	–	0	0	–	0	0	0	0
Kemudahan Jaminan Khas[8]	21-Mei-03	1,000	–	73	73	–	40	40	–	–

Tabung-Tabung yang Ditamatkan	Tarikh ditubuhkan	Tarikh ditamatkan	Peruntukan dana (RM juta)	Bilangan permohonan diluluskan			Jumlah diluluskan (RM juta)			Jumlah pengeluaran setakat akhir tahun 2003 (RM juta)	Baki setakat akhir tahun 2003[7] (RM juta)
				Jumlah setakat akhir tahun		Perubahan tahunan	Jumlah setakat akhir tahun		Perubahan tahunan		
				2002	2003		2002	2003			
Tabung Pemulihan Usahawan	06-Feb-88	01-Jan-91	500[3]	764	764	0	894	896	2[6]	850	109
Tabung Projek Perumahan Terbengkalai	18-Jun-90	29-Feb-92	600	74	74	0	331	331	0	346	12
Tabung untuk Menyegerakan Pembinaan Rumah Kos Rendah	29-Okt-93	31-Okt-95	500	54	54	0	297	297	0	297	0
Tabung Khas Pelancongan	10-Mac-90	31-Dis-97	200[3]	194	194	0	203	203	0	203	43
Tabung Penyusunan Semula Industri	05-Feb-91	04-Ogos-99	100	25	25	0	95	95	0	95	14
Skim Khas Perumahan Kos Rendah dan Sederhana	01-Mei-98	04-Ogos-99	1,000	98	96	-2[5]	660	604	-56[5]	579	13
Tabung Industri Bumiputera	04-Jan-93	03-Apr-00	100	99	99	0	95	95	0	91	51
Tabung Industri Kecil dan Sederhana	02-Jan-98	03-Apr-00	1,850[3]	5,426	5,420	-6[5]	3,825	3,776	-49[5]	3,724	2,097
Tabung Usahawan Baru	12-Dis-89	15-Jul-01	1,250[3]	3,140	3,126	-14[5]	1,432	1,421	-11[5]	1,396	445
Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana	23-Nov-98	01-Nov-03	330[3,4]	297	322	25	323	352	29	306	236
Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan	03-Jul-01	01-Nov-03	10[4]	21	33	12	2	3	1	1	1

[1] Peruntukan telah ditambah daripada RM650 juta kepada RM2,000 juta pada 2003
[2] Peruntukan telah ditambah daripada RM500 juta kepada RM1,150 juta pada 2003
[3] Tabung pusingan
[4] Peruntukan yang tidak digunakan dipindahkan kepada Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil
[5] Kelulusan ditarik balik oleh bank/peminjam dan/atau jumlah pinjaman yang diperlukan dikurangkan oleh bank/peminjam
[6] Dana tambahan diperlukan
[7] Baki pinjaman yang belum dibayar oleh peminjam kepada institusi pemberi pinjaman
[8] Skim jaminan melalui Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad yang dibiayai oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu perniagaan yang terjejas akibat wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS)

Institusi Perbankan Berlesen (pada 31 Disember 2003)

Bank Perdagangan

1. ABN AMRO Bank Berhad
2. Affin Bank Berhad
3. Alliance Bank Malaysia Berhad
4. AmBank Berhad
5. Bangkok Bank Berhad
6. Bank of America Malaysia Berhad
7. Bank of China (Malaysia) Berhad
8. Bank of Tokyo-Mitsubishi (Malaysia) Berhad
9. Bumiputra-Commerce Bank Berhad
10. Citibank Berhad
11. Deutsche Bank (Malaysia) Berhad
12. EON Bank Berhad
13. Hong Leong Bank Berhad
14. HSBC Bank Malaysia Berhad
15. J.P. Morgan Chase Bank Berhad
16. Malayan Banking Berhad
17. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
18. Public Bank Berhad
19. RHB Bank Berhad[1]
20. Southern Bank Berhad
21. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
22. The Bank of Nova Scotia Berhad
23. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad

Bank-Bank Islam

1. Bank Islam Malaysia Berhad
2. Bank Muamalat Malaysia Berhad

[1] Bergabung dengan Bank Utama (Malaysia) Berhad berkuatkuasa 1 Mei 2003

Syarikat Kewangan

1. AFFIN-ACF Finance Berhad
2. Alliance Finance Berhad
3. AmFinance Berhad
4. Bumiputra-Commerce Finance Berhad
5. EON Finance Berhad
6. Hong Leong Finance Berhad
7. Kewangan Bersatu Berhad
8. Mayban Finance Berhad
9. Public Finance Berhad
10. RHB Delta Finance Berhad
11. Southern Finance Berhad

Bank Saudagar

1. Affin Merchant Bank Berhad
2. Alliance Merchant Bank Berhad
3. AmMerchant Bank Berhad
4. Aseambankers Malaysia Berhad
5. Commerce International Merchant Bankers Berhad
6. Malaysian International Merchant Bankers Berhad
7. Public Merchant Bank Berhad
8. RHB Sakura Merchant Bankers Berhad
9. Southern Investment Bank Berhad
10. Utama Merchant Bank Berhad

Institusi Kewangan yang Menawarkan Perkhidmatan Perbankan Islam (pada 31 Disember 2003)

Bank-bank Islam

1. Bank Islam Malaysia Berhad
2. Bank Muamalat Malaysia Berhad

Bank-bank yang Menyertai Skim Perbankan Islam

Bank Perdagangan

1. Affin Bank Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad
3. AmBank Berhad
4. Citibank Berhad
5. EON Bank Berhad
6. Hong Leong Bank Berhad
7. HSBC Bank Malaysia Berhad
8. Malayan Banking Berhad
9. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
10. Public Bank Berhad
11. RHB Bank Berhad
12. Southern Bank Berhad
13. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad

Syarikat Kewangan

1. Affin-ACF Finance Berhad
2. AmFinance Berhad
3. EON Finance Berhad
4. Hong Leong Finance Berhad
5. Mayban Finance Berhad
6. Public Finance Berhad
7. Southern Finance Berhad

Bank Saudagar

1. Affin Merchant Bank Berhad
2. Alliance Merchant Bank Berhad
3. AmMerchant Bank Berhad
4. Commerce International Merchant Bankers Berhad

Syarikat Diskaun

1. Abrar Discounts Berhad
2. Affin Discount Berhad
3. Amanah Short Deposits Berhad
4. CIMB Discount House Berhad
5. KAF Discounts Berhad
6. Malaysia Discount Berhad
7. Mayban Discount Berhad

Institusi Kewangan Pembangunan yang Menawarkan Perkhidmatan Perbankan Islam

1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
2. Bank Simpanan Nasional
3. Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad
4. Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad

Ahli Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan untuk Perbankan Islam dan Takaful – Sesi 2001-2003

1. Yang Amat Arif Dato' Sheikh Ghazali Abdul Rahman Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	-	Pengerusi
2. Datuk Haji Md. Hashim Haji Yahaya Fellow Akademik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	-	Timbalan Pengerusi
3. Sohibus Samahah Dato' Haji Hassan Haji Ahmad Mufti Pulau Pinang	-	Ahli
4. Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia	-	Ahli
5. Dato' Dr. Abdul Halim Ismail Pengarah Eksekutif BIMB Securities Sdn. Bhd.	-	Ahli
6. Prof. Madya Dr. Mohd Daud Bakar Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar & Disiplin Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	-	Ahli
7. Prof. Madya Dr. Joni Tamkin Borhan Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya	-	Ahli

Statistik Ekonomi dan Kewangan Utama

Jadual A.1
Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 1987

	1999	2000	2001	2002	2003*a*	2004*r*
	RM juta					
Pertanian	17,596	18,062	17,897	18,438	19,453	19,952
Perlombongan dan kuari	15,344	15,385	15,258	15,826	16,581	17,494
Perkilangan	56,840	67,250	63,346	65,908	71,311	78,550
Pembinaan	6,926	6,964	7,108	7,275	7,417	7,525
Perkhidmatan	106,293	113,409	119,962	124,939	130,030	136,727
Tolak: Bayaran perkhidmatan bank tertaksir	14,896	15,832	17,678	18,614	19,570	20,851
Campur: Duti import	5,319	4,721	4,746	5,537	5,489	5,158
KDNK pada harga pembeli[1]	**193,422**	**209,959**	**210,640**	**219,309**	**230,710**	**244,555**
	% perubahan tahunan					
Pertanian	0.5	2.6	-0.9	3.0	5.5	2.6
Perlombongan dan kuari	6.9	0.3	-0.8	3.7	4.8	5.5
Perkilangan	11.7	18.3	-5.8	4.0	8.2	10.2
Pembinaan	-4.4	0.6	2.1	2.3	1.9	1.5
Perkhidmatan	4.5	6.7	5.8	4.1	4.1	5.2
Tolak: Bayaran perkhidmatan bank tertaksir	6.7	6.3	11.7	5.3	5.1	6.5
Campur: Duti import	20.1	-11.2	0.5	16.7	-0.9	-6.0
KDNK pada harga pembeli	**6.1**	**8.5**	**0.3**	**4.1**	**5.2**	**6.0 ~ 6.5**

[1] Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.2
Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (1993=100)

	2000	2001	2002	2003	2001	2002	2003
	Indeks				% perubahan tahunan		
Industri Berorientasikan Eksport	**223.3**	**200.1**	**210.2**	**235.3**	**-10.4**	**5.0**	**11.9**
Jentera elektrik, perkakas, alat-alat dan bekalan	272.4	229.2	247.8	271.7	-15.9	8.1	9.6
Elektronik	337.2	269.1	305.2	351.3	-20.2	13.4	15.1
Barangan elektrik	171.2	166.6	158.2	147.1	-2.8	-5.1	-7.0
Radio dan peti televisyen	*186.3*	*170.6*	*157.4*	*134.4*	*-8.4*	*-7.8*	*-14.6*
Kabel dan dawai	*172.6*	*180.6*	*145.8*	*128.8*	*4.6*	*-19.2*	*-11.7*
Mesin pejabat, pengiraan, dan perakaunan	*261.2*	*227.1*	*176.1*	*156.6*	*-13.1*	*-22.5*	*-11.1*
Jentera penyejuk, ekzos, pembersih udara dan penyaman udara	*113.2*	*132.3*	*161.8*	*180.6*	*16.9*	*22.2*	*11.6*
Tekstil dan pakaian	129.6	118.8	111.4	109.0	-8.3	-6.2	-2.2
Kayu dan keluaran kayu	103.6	104.9	98.6	99.5	1.2	-6.0	0.9
Bahan kimia dan keluaran kimia[1]	247.9	228.7	235.0	283.8	-7.7	2.7	20.8
Keluaran getah[1]	174.2	180.0	183.5	217.9	3.3	2.0	18.7
Pemprosesan di luar estet	186.6	200.9	215.1	240.5	7.7	7.1	11.8
Lain-lain	129.1	106.2	115.1	120.9	-17.7	8.3	5.1
Industri Berorientasikan Pasaran Dalam Negeri	**172.1**	**184.1**	**190.4**	**202.0**	**7.0**	**3.4**	**6.1**
